

18/09/1997

Perodua Kancil berubah wajah setiap tahun

WAJAH baru Perodua Kancil yang dilancarkan Perusahaan Otomobil Kedua Sdn Bhd (Perodua), adalah suatu langkah berani yang sejajar dengan aspirasi pengeluar kereta nasional kedua itu untuk membuat perubahan luaran setiap tahun sehingga 2001, selain memenuhi permintaan yang sentiasa meningkat.

Langkah itu juga selaras dengan matlamat Perodua untuk menjadikan kenderaan keluarannya sebagai kereta rekaan tempatan sepenuhnya selepas tempoh berkenaan.

Pengarah Urusan Perodua, Datuk Abdul Rahman Omar, berkata sasaran itu perlu kerana hingga kini syarikat lebih sebagai pemasang kenderaan berikutan pelbagai keputusan berhubung rekaan kereta masih dilakukan rakan kongsi asingnya.

"Keputusan berhubung rekaan termasuk rekaan luaran kereta inipun hingga kini diputuskan oleh rakan kongsi Perodua dari Jepun," katanya selepas pelancaran wajah baru Kancil untuk media dan pengedarnya di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Perodua Kancil pertama kali dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Ogos 1994. Sejak itu ia sudah memperkenalkan pelbagai model seperti EZ, versi automatik kepada versi 660 cc, Kancil Era dan tahun lalu, Kancil 850 cc.

Abdul Rahman berkata, wajah baru Kancil itu diunjurkan untuk meningkatkan jualan Kancil yang kini sudah 130,000 unit berada di pasaran Malaysia, Brunei, Malta, Cyprus, Mauritius dan United Kingdom.

"Pelanggan pasti tertarik melihat rupa baru Kancil yang didatangkan tanpa sebarang perubahan harga, dengan versi 660cc masih dijual antara RM24,833.74 hingga RM33,465.84 dan antara RM28,900 hingga RM36,165.98 untuk versi 850 cc.

"Perodua juga merancang melancarkan model Kancil 850 cc GX EFi dan 850 EZ Efi yang belum lagi diputuskan harganya kini," katanya.

Perodua wajah baru didatangkan dengan rekaan baru jeruji depan, hiasan baru bahagian belakang termasuk penutup tayar yang lebih sporty. Selain itu, Kancil wajah baru juga ditampilkan dengan kemasan perabot dalaman yang lebih anggun menggunakan fabrik bermutu, dua muncung pembasuh cermin depan.

Sementara bagi siri Kancil 850 cc, wajah baru muncul dalam bentuk paparan meter depan berwarna putih dan tempat letak kepala kerusi boleh laras bagi memberikan keselesaan maksimum ketika memandu.

Perodua turut menambahkan varian baru bagi wajah baru Kancil siri 850 cc iaitu 850 cc EX atau varian standard.